



## KENYATAAN MEDIA

### SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

#### DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**05 Zulkaedah 1441 / 27 Jun 2020**

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Sabtu, 05 Zulkaedah 1441H bersamaan 27 Jun 2020M, Alhamdulillah dengan izin Allah Subhanahu Wa Ta'Ala jua, **tidak ada kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan di negara ini. Ini bermakna **jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kekal seramai 141 orang**.
  
2. Sementara itu, terdapat **406** orang yang sedang menjalani pengasingan diri mandatori di pusat-pusat pemantauan yang disediakan oleh Kerajaan iaitu mereka yang baru tiba ke negara ini setelah melakukan perjalanan dari luar negara. Setakat ini, seramai **2,691** orang telah menamatkan pengasingan diri mandatori di kemudahan-kemudahan berkenaan.

3. Manakala, dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak **312 sampel** telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada **28,707 ujian**.
4. Berikut makluman mengenai ***BruHealth App***, Alhamdulillah setakat ini seramai **402,582 ahli** telah mendaftar ke dalam aplikasi tersebut. Bagi syarikat dan premis pula sejumlah **10,788** telah mendaftar. Manakala, berkenaan aplikasi premiseScan pula, sejumlah **5,863** telah dimuat turun oleh **4,236 premis perniagaan**.
5. Berhubung dengan kajiselidik serologi yang telah diadakan di beberapa buah masjid yang terpilih seperti yang telah diumumkan pada sidang media pada 15 Jun yang lalu. Dapatan awal kajiselidik tersebut menunjukkan seramai 12 peserta kajiselidik daripada 504 peserta telah didapati positif ujian serologi. Namun demikian kesemua mereka berserta dengan keluarga mereka telah didapati negatif ujian swab bagi SARS-CoV-2 dan disahkan tidak mempunyai jangkitan yang aktif. Orang ramai adalah dinasihatkan untuk tidak merasa cemas atau bimbang jika menerima berita mengenai sesiapa yang didapati positif ujian serologi ini.

6. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui aplikasi **healthinfo.gov.bn**.

- TAMAT -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 05 Zulkaedah 1441H / 27 Jun 2020